



Pertanyaan daripada:

Abdul al-Mu'iz Haji Anwar
Parit Tiga, Sungai Burung,
Sekinchan – Selangor.

Pertanyaan

1. Seorang membacakan hadith Nabi yang ertinya lebh kurang begini: “Siapa yang tidak mahu menderma membina masjid dan menentanginya, maka ia terkeluar dari Islam”. Maka dijawabnya hadith penipu dusta, katanya. Apakah hukumnya orang yang mendustakan hadith itu?

Jawab

Enggan mendermakan kerana membina masjid itu tidaklah menjadikan suatu kesalahan. Kerana kalimah “menderma” itu dalam Bahasa Arabnya termasuklah dalam kandungan erti kata “amal jariah”. Menderma hukumnya tidak wajib, tetapi digalakkan (mustajab). Tegasnya orang yang mengeluarkan wang ringgit atas nama “derma” adalah sunat dan akan diberi ganjaran pahala di hari akhirat kadar banyak sedikit dermanya itu, dengan syarat, dermanya itu hendaklah kepada jalan yang diredai Allah seperti didermakan kepada tabung kenangan mawlid, mendirikan sekolah, membina masjid atau surau dan sebagainya. Berhubung dengan soal “derma” ini Rasulullah *shallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* di dalam suatu hadithnya baginda bersabda:

“*Izā māta ibn Ādam inqāṭa ‘u ‘amalihi*

ilā min thalātha: ‘amal jāriyah, ‘amal yantafa‘ bih, wa walidi ṣāliḥ yad ‘ūlahu”.

Ertinya: “Apabila seseorang anak Adam (manusia muslim) itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya melainkan tiga perkara: Amal jariah atau dermanya kepada jalan kebajikan, ilmu yang memberi manfaat dengannya dan anak yang soleh sentiasa mendoakannya.”

Jadi “derma” atau “amal jariah” yang tersebut di dalam hadith di atasnya, meskipun ia merupakan suatu amalan yang tidak diwajibkan di atas seseorang muslim melakukannya, namun begitu faedah dan manfaatnya tersangat besar kepada orang yang menderma itu. Ganjaran pahala yang akan diterimanya kekal hingga setelah ia berada di alam akhirat selagi benda yang didermakannya itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang masih hidup di alam dunia ini.

Cuma perkara yang berat sekarang ialah tentang masalah “menentang pembinaan masjid” itu dengan tidak ada sebab mengapa tentangan-tentangan itu dilakukan? Kalau seseorang itu tidak mahu menderma kerana membina masjid itu, tidaklah menjadi soal. Kerana berderma itu adalah suatu amalan yang sunat atau mustajab. Tidak boleh dipaksa kalau ia tidak mahu menderma, dan ia tidak pula berdosa kerana enggan menderma itu. Tetapi kalau ia

“menentang” usaha orang lain yang hendak membina masjid itu – dengan tidak ada sebab-sebab yang tertentu – maka penentangan itu adalah berdosa. Kerana membina masjid itu adalah suatu amalan yang baik dan digalakkan. Dengan banyaknya masjid-masjid yang dibina di dalam sesuatu negeri, maka diharapkan akan bertambahlah hendaknya bilangan orang-orang Islam yang mengerjakan sembahyang di dalamnya. Menentang sesuatu perkara kebajikan itu adalah salah dan berdosa.

Kita tak boleh terburu nafsu menghukum seseorang yang mendustakan sesuatu hadith Nabi itu kafir atau terkeluar daripada agama Islam sebelum kita mengkaji dan meneliti jenis-jenis hadith itu. Kerana hadith ada bermacam-macam jenisnya. Ada hadith sahih, ada hadith *hasan*, ada hadith *ḍa‘if*, ada hadis *mu‘laq*, ada hadith *mursal*, ada hadith *mudlis*, ada hadith *munqata‘*, ada pula hadith *mawḍu‘* dan sebagainya. (Untuk mengenal hadith-hadith tersebut kita mestilah belajar ilmu *muṣṭalah* hadith).

Jadi kalau seseroang itu mendustakan hadith-hadith *isrā‘iliyāt* baik hadith-hadith palsu yang direka oleh orang-orang Israel (yahudi) untuk mengelirukan orang Islam, maka ia tidak boleh dihukum kafir. Tetapi kalau ia mendustakan hadith-hadith sahih yang *muktabar* iaitu hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim baharulah boleh kita hukuman dia itu kafir, lantaran para ulama telah sepakat mengatakan bahawa sahih-sahih kitab sesudah al-Qur‘ān itu ialah Sahih Bukhārī dan Sahih Muslim. (Kalau kita hendak membaca soal

1001 Masalah

ilmu hadith ini dengan lengkap sudah tentu tidak memada di dalam ruangan “1001 Masalah” yang terbatas ini. Oleh itu memadalah setakat ini dahulu).

Tentang makna hadith yang tuan jadikan masalah ini kami tak dapat mencari nas asalnya dari Bahasa Arab, oleh itu kami tak dapat menentukan jenis apakah hadith tersebut.

Jika pada suatu masa nanti tuan dapat mencari nas asli hadith tersebut di dalam Bahasa Arab, tolong kirimkan kepada kami supaya dapat kami selidiki dari mana sumber hadith itu diterbitkan, dan apa pula jenis hadith itu.

Memadailah hingga setaka ini kami menjawab pertanyaan tuan, mudah-mudahan memuaskan tuan. Ada pun dua pertanyaan tuan yang lain akan kami jawab di lain masa.. *In shā-Allāh!*

Pertanyaan daripada:

Abdul Ghani Muhammad,
Kampung Sentosa,
Batang Kali – Selangor.

Pertanyaan

Di dalam mengerjakan amal ibadat sembahyang, apakah maksud atau tujuan asal “rukun tiga belas” itu? Harap tuan jelaskan satu persatu!

Jawab

Ada pun maksud atau tujuan asal “rukun tiga belas” di dalam

ibadat sembahyang itu ialah, rukun-rukun sembahyang yang tiga belas perkara yang wajib mesti dikerjakan oleh orang-orang yang mengerjakan ibadat sembahyang itu. Rukun-rukun sembahyang yang tiga belas perkara itu mengikut mazhab Imam al-Shāfi’i ialah:

1. Niat (dalam *takbirat al-ihrām*).
2. *Qiyām* (berdiri betul bagi orang yang berkuasa).
3. *Takbirat al-ihrām*.
4. Membaca Surah al-Fātiḥah.
5. Rukuk serta *tama’ nīnah* di dalamnya.
6. *I’tidāl* (bangkit dari rukuk serta *tama’ nīnah* di dalamnya).
7. Sujud dua kali di dalam tiap-tiap satu rakaat serta *tama’ nīnah* di dalamnya.
8. Duduk antara dua sujud serta *tama’ nīnah* didalamnya.
9. Duduk *tahiyat* akhir serta membaca *tahiyat* akhir.
10. *Tashhid* dalam *tahiyat* akhir.
11. Membaca selawat atas Nabi dalam *tahiyat* akhir.
12. Memberi salam ke kanan.
13. Tertib (bersusun mengikut tertib di atas).

Kalau salah satu daripada rukun-rukun sembahyang yang tiga belas ini ditinggalkan, maka tidak sahlah sembahyang itu. Inilah asal perkataan “rukun tiga belas” sebagai ringkasan daripada perkataan: “Rukun-rukun sembahyang itu tiga belas perkara”.

Abu Al-Mokhtar.

Kata-kata Hikmah

Orang mukmin yang sebenarnya ialah orang yang mendiamkan diri (tidak meminta-minta) sewaktu ketiadaan dan pemurah sewaktu berada.

(Abu al-Ḥasan Nuri)

* * *

Siapa di antara kamu melihat kemungkaran dilakukan, maka ubahlah dia dengan tangannya, jika tidak berkuasa, maka ubahlah dia dengan mulutnya, jika tidak berkuasa juga, maka ubahlah dia dengan hatinya. Itu adalah selemah-lemah iman.

(Muslim)

Sudah siap

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

RAHSIA TERBUKA

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

MENJINAKKAN

Harga 50 sen.

Pos 10 sen,

Pesanlah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.